



Bajet ambil kira kemampuan kewangan kerajaan

BH 11/10



Saya juga akan meneliti cabaran yang sedang kita hadapi selain melihat keperluan pelbagai sektor yang berhubung kait dengan beberapa kementerian. Kemudian mengadakan sesi khas dengan menteri dan pegawai kementerian terbabit untuk melihat keperluan dan aspirasi mereka”

Najib Razak,
Perdana Menteri

Datuk Seri Najib Razak menggariskan tujuh pendekatan yang akan diambilnya sebelum membentangkan Bajet 2017, Jumaat minggu depan, dengan mengambil kira semua aspek, termasuk kemampuan kewangan kerajaan.

Perdana Menteri berkata, beliau juga akan mengambil kira senario dan prospek kewangan pada 2017 dan tahun berikutnya.

Najib berkata, beliau juga akan meneliti apa yang sudah dicapai dalam Bajet 2016.

“Saya juga akan meneliti cabaran yang sedang kita hadapi selain melihat keperluan pelbagai sektor yang berhubung kait dengan beberapa kementerian.

“Kemudian mengadakan sesi khas dengan menteri dan pegawai kementerian terbabit untuk melihat keperluan dan aspirasi mereka sebelum menilai adakah ia boleh dilaksanakan mengikut kemampuan negara,” katanya pada sidang media bersama wartawan Malaysia selepas berucap pada Sesi Plenari Sidang Kemuncak Dialog Kerjasama Asia (ACD) Kedua di sini, semalam.

Najib berkata, beliau juga perlu meneliti kaedah percutaan yang sesuai bagi sektor swasta, industri kecil dan sederhana serta syarikat korpo-

rat selain kedudukan perolehan daripada pelbagai sumber kerajaan.

Beliau memberi jaminan akan turut mengambil kira pelbagai pandangan rakyat, termasuk yang disalurkan secara dalam talian sebelum menentukan apa yang boleh dipertimbangkan.

Ditanya sama ada bajet bagi kementerian akan dipotong berikutan keadaan ekonomi semasa, beliau enggan mengulas mengenainya.

Mengenai Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), Najib berkata, beliau akan menelitinya sebelum memutuskannya secara berhikmah.

Harga komoditi rendah

“Jangan lupa kita sedang menangani senario harga komoditi rendah yang membelenggu negara membangun.

“Senario seperti ini adalah faktor yang di luar kawalan kita,” katanya.

Mengenai bantuan untuk golongan berpendapatan sederhana, beliau berkata, banyak yang perlu dilaksanakan tapi harus mengikut kemampuan kerajaan.

“Kita perlu mengawal hutang dan defisit fiskal dengan berhemah dan berhati-hati.

“Dalam kata lain, banyak yang kita mahu lakukan, tetapi perlu diurus secara paling kreatif,” katanya.